



**KENANGAN ABADI:** Sesi bergambar bersama-sama Ketua Program Prof Madya Dr Janice Nga Lay Hui.

## **Kelab Ekonomi Perancangan dan Pembangunan (HE05) anjur program AGM dan Mooncake Festival**

UB 3.10.2019 15

**KOTA KINABALU:** Kelab Ekonomi Perancangan dan Pembangunan (HE05), Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini menganjurkan program Annual General Meeting (AGM) dan Mooncake Festival bagi memulakan kalendar akademik baharu

sesi 2019/2020.

Seramai 150 pelajar menghadiri program berkenaan dan menjayakannya.

Terdahulu di dalam ucapan perasmianya, Prof Madya Dr Janice Nga Lay Hui berkata program ini merupakan suatu program yang akan dijalankan oleh pihak pelajar dalam usaha

memberi pendedahan dan penerangan berkenaan kelab seterusnya memupuk ikatan erat dalam kalangan pelajar tahun 1, 2 dan 3 bagi program itu.

Program ini turut dihadiri oleh beberapa pensyarah dan barisan MT dan ME Kelab HE05 bersama-sama dengan beberapa alumni daripada program itu.